

# Muliakan pelupusan tulisan Asmaul Husna seperti al-Quran

Berita HARJAN (07/07/2021) M/S 27

Oleh Siti Haliza Yusop  
bhagama@bh.com.my

**Menjaga** dan memuliakan kesucian al-Quran menjadi tanggungjawab serta kewajipan setiap umat Islam. Hal sama turut dituntut, walaupun dalam proses melupuskan kitab suci itu.

Justeru, beberapa kaedah digariskan untuk mengendalikannya proses berkenaan. Malah, tidak yang sedar kaedah sama juga terpakai untuk sebarang penulisan yang mengandungi nama dan sifat Allah SWT, terutama dalam bahasa Arab.

Contohnya nama Abdul Latif yang jelas merujuk kepada al-Latif, iaitu nama serta sifat Allah SWT yang bermaksud Tuhan Yang Maha Mengetahui sehalus-halusnya.

Abdul Latif merujuk salah satu daripada 99 nama Allah SWT apabila perkataan Abdun bermaksud hamba, dinisbahkan kepada al-Latif yang membawa makna Hamba al-Latif atau Hamba Allah SWT.

Justeru, semua nama dan sifat Allah SWT dalam bahasa Arab, termasuk pada label, kertas serta cap wajib dihormati seperti al-Quran. Ia tidak boleh dilupuskan dengan kaedah berunsurkan penghinaan serta dibuang terus ke dalam tong sampah.

Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Syed Shahridzan Syed Mohamed Ben-Agil, berkata Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-30 yang bersidang 22 Ogos 1992 menyatakan, al-Quran serta kertas tertera nama Allah SWT perlu dibakar di tempat yang bersih, dihimpunkan abunya dan ditanam di tempat yang tidak dilalui bagi mengelak dipijak.

Selain itu, katanya, ia juga boleh dihanyutkan di laut atau sungai yang mengalir bagi menjaga kesucian dan keagungan al-Quran. Ia juga di-

“Islam menitikberatkan adab serta akhlak dalam kehidupan umatnya, justeru wajib untuk beradab dengan apa sahaja berkaitan Allah SWT, termasuk menghormati serta meletakkan kertas atau objek yang tertera nama-Nya di tempat selayaknya”



**Syed Shahridzan  
Syed Mohamed Ben-Agil,  
Ketua Penolong Mufti  
(Penyelidikan)  
Pejabat Mufti  
Wilayah Persekutuan**

lah supaya tidak dihina sesuka hati.

“Ia selaras firman Allah SWT: “*Demikianlah (perintah Allah), sesiapa yang mengagungkan syiar-syiar Allah, maka sesungguhnya hal itu timbul dari ketakwaan hati.*” (Surah Al-Hajj, ayat 32)

Bagaimanapun, Syed Shahridzan berkata, penggunaan nama seseorang seperti Rahman, Rahim dan Malik, termasuk dalam tulisan Arab atau Jawi, hanyalah sekadar nama manusia jika ia tidak memiliki penunjuk untuk dikaitkan dengan nama dan sifat Allah SWT.

Beliau berkata, secara asasnya tidak semua penulisan Arab mesti dihormati dan disamakan dengan ayat suci al-Quran.

“Tulisan Arab dan Jawi kedudukannya adalah sama seperti tulisan bahasa lain dan tiada kaitan dengan fadilat tertentu.

“Tidak sepatutnya hanya kerana sesuatu itu ditulis dalam tulisan Arab atau Jawi, ia dikatakan wajib dihormati seperti al-Quran, sedangkan kandungannya tiada kaitan dengan ayat suci al-Quran dan nama Allah SWT,” katanya.

Diminta mengulas produk menggunakan nama berkaitan Allah SWT pada labelnya, beliau berkata, perbuatan menjenamakan sesuatu yang berunsur Islamik itu tidak salah.

“Namun, sebaiknya mohon pencerahan daripada badan agama yang berautoriti seperti jabatan mufti, bahagian halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan agama negeri untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.

“Ini bertujuan mengelak perkara yang bertentangan dengan syarak berlaku,” katanya.

atau di sungai yang mengandungi debu mengandungi ayat suci dan kemuliaan al-Quran itu sendiri.

Namun, beliau menegaskan jangan dibasahkan abu berkenaan dengan air dan menyiramnya pada pokok kerana ia boleh menyebabkan debu berterbangan di merata tempat.

Bercakap kepada *BH Agama*, Syed Shahridzan berkata, tindakan pembakaran ini berdalilkan perintah Saidina Uthman Affan RA ketika memegang jawatan khalifah, yang memerintahkan mushaf al-Quran dibakar bertujuan menjaga kesucian al-Quran.

Hal ini turut diriwayatkan oleh Anas Ibnu Malik RA yang bermaksud, "Sesungguhnya Uthman bin Affan RA memerintahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Sai'd bin al-'As dan 'Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisyam supaya menulis semula dalam bentuk salinan mushaf yang sempurna. Uthman berkata kepada tiga orang lelaki Quraish: Sekiranya kamu tidak bersetuju dengan Zaid bin Thabit berkaitan sesuatu hal di dalam al-Quran, maka tulislah dalam gaya bahasa Quraish. Sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan bahasa mereka, lalu mereka melakukannya, sehingga menjadi banyak salinan daripadanya (mushaf), kemudian Uthman memulangkan mushaf yang asal kepada Hafsah dan dikirim ke seluruh pelusuk dunia, kemudian Uthman memerintahkan supaya segala mushaf, selain daripada mushaf yang asal agar dibakar.

Menurut Syed Shahridzan, amalan pelupusan ini sebahagian tanggungjawab seorang hamba untuk terus mengagungkan syiar Allah SWT supaya tidak dihina sesuka hati.

Islam katanya, menitikberatkan adab serta akhlak dalam kehidupan umatnya, justeru, wajib untuk beradab dengan apa sahaja berkaitan Allah SWT, termasuk menghormati serta meléttakkan kertas atau objek tertera nama-Nya di tempat selayaknya.

"Amalan pelupusan ini sebagai satu tanggungjawab seorang hamba untuk mengagungkan syiar Al-



*Antara kaedah pelupusan al-Quran dengan membakar di tempat bersih dan hanyutkan debunya di laut.*  
(Foto hiasan)

## Panduan melupuskan Al-Quran

- Bahan mengandungi ayat al-Quran hendaklah dibakar menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian.
- Bahan atau debu mengandungi ayat suci al-Quran yang sudah dibakar hendaklah dikumpul supaya tidak ditipu angin atau bersepah.
- Bahan sudah dibakar hendaklah ditanam pada tempat bersih atau tidak dilalui orang atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir.
- Kerja pembakaran hendaklah dikawal selia pegawai jabatan agama atau pihak yang mahu melupuskan bahan itu.



(Sumber Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke-30 yang bersidang 22 Ogos 1992)